

# MEMAHAMI KONTRAS MEDIA: PANDUAN UNTUK PEMERIKSAAN RADIOLOGI ANDA

25 Years  
REVOLUTIONISING  
HEALTHCARE

**SUNWAY**  
MEDICAL CENTRE  
Sunway City Kuala Lumpur

## Memahami Kontras X-ray: Apa Yang Perlu Anda Ketahui

Kontras Media, biasanya dikenali sebagai "pewarna", ialah sejenis cecair khas yang disuntik ke dalam tubuh melalui tiub kecil yang diletakkan di saluran darah lengan ketika imbasan Tomografi Berkomputer (CT), imbasan Pengimejan Magnetik Resonans (MRI) atau prosedur fluoroskopi. Cecair ini memainkan peranan penting dalam memaparkan imej sinar-X bagi memberi maklumat terperinci perihai saluran darah dan struktur organ dalaman tubuh. Kebanyakan pemeriksaan imbasan CT, MRI dan fluoroskopi memerlukan penggunaan kontras untuk meningkatkan kejelasan imej.

## Sebelum Suntikan Media Kontras: Keselamatan Anda Diutamakan

Sebelum suntikan media kontras diberikan, penyedia penjagaan kesihatan anda akan menjalankan penilaian bagi mengenal pasti sebarang faktor yang boleh meningkatkan risiko tindak balas yang tidak diingini.

Antara tindak balas yang mungkin berlaku terhadap media kontras termasuk:

### Ringan:

- Mual & muntah
- Kegatalan
- Sakit kepala
- Kemerahan
- Ruam kulit

### Sederhana:

- Rentak jantung tidak normal
- Tekanan darah tinggi/rendah
- Semput
- Kegatalan yang teruk
- Sesak nafas
- Ruam kulit yang teruk

### Teruk:

- Tekanan darah terlalu rendah
- Serangan jantung
- Kekejangan/Sawan
- Kerosakan buah pinggang
- Kejutan anafilaksis

### Tindak balas di tempat suntikan:

- Ekstravasasi (bengkak)
- Keradangan (kegatalan)
- Rasa panas & sakit

Semua tindak balas ini jarang berlaku dan kebanyakannya hanyalah sementara, kebiasaannya tidak memerlukan sebarang rawatan atau cukup sekadar langkah pertolongan cemas mudah.



## Penggunaan Media Kontras Melalui Minuman atau Rektum

Dalam situasi tertentu, terutamanya apabila terdapat penyakit yang diketahui atau disyaki melibatkan perut atau usus, anda mungkin akan diminta untuk meminum campuran media kontras atau air sebelum menjalani imbasan CT, imbasan MRI, atau prosedur fluoroskopi.

Selain itu, bagi pemeriksaan tertentu yang melibatkan perut atau usus, media kontras juga mungkin diberikan melalui rektum. Namun, kaedah ini hanya digunakan sekiranya benar-benar diperlukan bagi tujuan diagnosis.



IMBAS KOD QR

untuk mendapatkan salinan

## Penjagaan Selepas Prosedur dengan Media Kontras: Memastikan Kesejahteraan Anda

Selepas menjalani prosedur yang melibatkan media kontras, adalah penting untuk memastikan anda kekal terhidrat. Anda digalakkan untuk minum kira-kira lima gelas air selepas prosedur bagi membantu tubuh anda menyingkirkan media kontras yang telah digunakan.

Pasukan penjagaan kesihatan akan memantau keadaan anda selepas prosedur bagi mengenal pasti dan menangani sebarang komplikasi yang mungkin timbul. Langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan dan keselesaan anda sepanjang tempoh pemulihan.

Sekiranya anda mengalami sebarang gejala luar biasa selepas prosedur, atau mempunyai kebimbangan berkaitan proses atau kesan sampingan, sila berbincang dengan penyedia penjagaan kesihatan anda. Kami sedia membantu menjawab pertanyaan anda dan memastikan anda menerima penjagaan yang terbaik.

## Pertimbangan Penting: Kesihatan Anda Diutamakan

Kesan sampingan serius akibat penggunaan media kontras jarang berlaku. Namun, menyedari reaksi yang jarang berlaku seperti berikut boleh membantu memastikan penjagaan yang tepat pada masanya jika diperlukan.

### Stres Buah Pinggang:

Dalam situasi tertentu, media kontras boleh menjejaskan fungsi buah pinggang, terutamanya bagi individu yang menghidap diabetes atau mempunyai masalah buah pinggang sedia ada. Sekiranya anda mempunyai risiko yang lebih tinggi, doktor anda mungkin mencadangkan temujanji susulan dengan pakar nefrologi. Namun, kesan serius adalah amat jarang berlaku.

### Risiko Ekstravasasi:

Kadangkala, media kontras boleh "bocor" ke dalam tisu di sekitar kawasan suntikan. Jika ini berlaku, penilaian dan rawatan awal akan diberikan. Dalam kes yang jarang berlaku ini, rujukan kepada pakar bedah mungkin diperlukan.

### Reaksi Alergi:

Reaksi alahan terhadap media kontras jarang berlaku dan kebiasaannya ringan. Sila maklumkan kepada penyedia penjagaan kesihatan anda sekiranya anda mempunyai sebarang alahan, supaya langkah berjaga-jaga yang sesuai dapat diambil.



**Nota Penting:** Sekiranya anda mengalami sebarang gejala luar biasa semasa imbasan, sila maklumkan segera kepada doktor atau pasukan perubatan yang bertugas.



## Keselamatan Anda adalah Keutamaan Kami: Komunikasi Dua Hala adalah Penting

Sekiranya anda mempunyai sebarang kebimbangan berkaitan prosedur, kemungkinan risiko, atau mengalami gejala luar biasa selepas imbasan, sila berbincang secara terbuka dengan penyedia penjagaan kesihatan anda. Kami sedia membantu anda, menjawab pertanyaan anda, dan memastikan pengalaman anda adalah yang paling selamat dan selesa.

